



Panduan pengguna - ejen migrasi berdaftar

Menjadi tidak sah bagi sesiapa sahaja untuk memberi bantuan imigrasi di Australia sekiranya mereka bukan ejen migrasi berdaftar (registered migration agent), pengamal undang-undang Australia atau orang terkecuali. Mana-mana individu yang memberi bantuan imigrasi secara haram di Australia hendaklah dilaporkan menggunakan [Border Watch Online Report](#) di tapak web Department of Home Affairs. Penting untuk mengetahui bahawa mana-mana individu yang membantu hal-hal imigrasi anda tidak dapat menjamin anda visa.

Ejen Migrasi Berdaftar

Ejen migrasi yang berdaftar hendaklah memenuhi standard profesional, mengikut Tatakelakuan dan mengekalkan pengetahuan terkini mengenai undang-undang dan prosedur migrasi.

Semua ejen migrasi berdaftar mempunyai Migration Agents Registration Number (MARN) yang unik. Anda boleh menyemak sama ada seseorang itu berdaftar di OMARA di tapak web www.mara.gov.au

The **Office of the Migration Agents Registration Authority (OMARA)** adalah sebahagian daripada Department of Home Affairs dan merupakan badan kawal selia ejen migrasi berdaftar di Australia. OMARA:

- menilai dan memutuskan permohonan pendaftaran sebagai ejen migrasi di Australia
- memantau tingkah laku ejen migrasi berdaftar, menyasat aduan, dan mengambil tindakan tatatertib jika perlu.

OMARA tidak dapat membantu anda dengan visa atau permohonan penajaan atau memerintah ejen migrasi berdaftar untuk mengembalikan bayaran kepada anda.

Tatakelakuan

Tatakelakuan untuk ejen migrasi berdaftar mewajibkan ejen migrasi berdaftar:

- berlaku jujur tentang peluang anda mendapatkan visa
- memberi nasihat yang betul dan sentiasa memberitahu tentang perkembangan permohonan anda dan sebarang perubahan yang mungkin mempengaruhinya
- bertindak mengikut undang-undang, kepentingan anda dan melindungi privasi anda
- memberitahu anda jika mereka mempunyai kepentingan yang bertentangan dengan kemahuan anda dan mengambil tindakan sewajarnya
- memberi kenyataan bertulis sebelum memulakan kerja perkhidmatan yang akan diberikan, anggaran bayaran dan kos lain

- menyimpan dana di akaun bank yang berasingan sekiranya anda membayar terlebih dahulu
- memberi invois yang menyenaraikan perkhidmatan sebenar yang telah diselesaikan dan jumlah yang perlu dibayar
- menyimpan rekod yang betul mengenai proses permohonan anda.

[Code of Conduct](#) yang lengkap boleh didapati di tapak web OMARA.

Kebimbangan mengenai ejen migrasi berdaftar

Sekiranya anda menghadapi masalah dengan ejen migrasi berdaftar anda, cuba selesaikannya terlebih dahulu dengan mereka. Sekiranya anda tidak dapat menyelesaikan masalah ini dengan ejen anda, anda boleh menghubungi OMARA sekiranya anda memerlukan bantuan. Anda boleh mengemukakan aduan mengenai ejen migrasi berdaftar anda dengan melengkapkan [complaint form](#) di tapak web OMARA.

Membuat aduan tidak akan mempengaruhi permohonan visa anda, atau mengubah hasil keputusan penolakan atau pembatalan visa sebelumnya.

Pengamal Undang-Undang Australia dan Orang Terkecuali

Individu tertentu, seperti pengamal undang-undang Australia dan orang terkecuali, tidak perlu didaftarkan sebagai ejen migrasi untuk memberi bantuan imigrasi di Australia.

Pengamal undang-undang Australia mesti bertindak mengikut peraturan tingkah laku profesional pihak berkuasa undang-undang mereka yang berkenaan. Sekiranya anda ingin mengemukakan aduan mengenai pengamal undang-undang baca 'Consumer guide – legal practitioners', yang tersedia di [Department of Home Affairs website](#).

Orang terkecuali termasuk ahli keluarga terdekat dan penaja. Senarai lengkap orang terkecuali boleh didapati di [Form 956 – Appointment of a registered migration agent](#).

[legal practitioner or exempt person](#). Orang terkecuali tidak boleh mengenakan bayaran kerana memberi bantuan imigrasi.

Menamatkan janji temu

Sekiranya anda ingin menamatkan janji temu lengkapkan [Form 956](#).

Perkhidmatan Penterjemahan dan Alih Bahasa

Bercakap dengan jurubahasa melalui Perkhidmatan Penterjemahan dan Alih Bahasa (TIS National)

www.tisnational.gov.au 📞 131 450

Julai 2021